

10 NOV 1999

PILIHAN RAYA: PPP YAKIN DAPAT PERUNTUKAN KERUSI

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) yakin bahawa parti itu akan diberi peruntukan kerusi bagi pilihan raya umum ke-10 akan datang, kata presidennya Datuk M.Kayveas, malam ini.

Beliau berkata parti itu berharap diberi peruntukan kerusi pilihan raya kali ini kerana ia tidak diberikan sebarang kerusi pada pilihan raya umum 1990 dan 1995.

"Kami tidak tahu berapa (kerusi) tetapi kami memang menjangka diberi peruntukan kerusi. Saya harap kami tidak diketepikan dalam pilihan raya umum ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kayveas berkata PPP tetap berusaha keras bagi memastikan kemenangan BN pada pilihan raya umum ini walaupun jika tidak diberikan sebarang kerusi.

Menurutnya Perdana Menteri juga memaklumkan bahawa beliau akan menemui semua presiden parti-parti komponen BN secepat yang mungkin bagi membincangkan peruntukan kerusi dan penyenaiaan calon pilihan raya itu.

-- BERNAMA

RV NAK